

Doktor ekonomi negara

UM 31/10/2003 - 17 PRECISE

Oleh ABU HAKIM TANZIMUDDIN

SEORANG doktor, diketahui umum kerjanya merawat dan mengubati pesakit hingga sembuh. Tetapi, hebatnya seorang manusia bernama Dr. Mahathir Mohamad, beliau bukan sekadar mengubati manusia tetapi juga keadaan ekonomi negara.

Melihat kepada latar belakang beliau tentunya asing bagi seorang doktor perubatan juga mahir dalam dunia ekonomi tanpa kelulusan profesional dalam bidang tersebut.

Minat mendalam yang ditunjukkan apabila melakukan sesuatu menyebabkan beliau berjaya dan dikagumi oleh tokoh korporat tempatan dan dunia.

Ketika menyorot kembali pengalaman bersama Perdana Menteri, seorang tokoh korporat terkenal, Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff melahirkan kekagumannya terhadap keupayaan Perdana Menteri.

Beliau yang juga bekas Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) masih ingat bagaimana Dr. Mahathir mengambil tindakan radikal dengan mengenakan kawalan modal terpilih ketika krisis kewangan pada tahun 1997 sehingga banyak pakar kewangan asing sendiri tidak pasti langkah terbaik menanganinya.

Biarpun langkah Perdana Menteri itu dicemuh dan dipertikaikan sebagai sesuatu tindakan yang tidak betul tetapi kini ia diakui oleh Dana Kewangan Antarabangsa sebagai langkah yang bijak.

Nik Mohamed Din menceritakan, semasa krisis tersebut Dr. Mahathir yang marah dengan tindakan spekulator mata wang yang menyebabkan kejatuhan harga saham di BSKL, telah meminta beliau memberi taklimat kepadanya



NIK MOHAMED DIN NIK YUSOFF



TORE JOHNSEN

hampir setiap hari melibatkan setiap perkembangan.

Sebagai mana seorang doktor yang sedang merawat pesakit yang tenat begitu jugalah pendekatan yang diambil Dr. Mahathir dalam memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan adalah seorang yang amat teliti. Misalnya dalam pembinaan bangunan baru BSKL sendiri di Bukit Kewangan. Beliau bukan sahaja meluluskan cadangan yang dikemukakan tetapi juga memberi cadangan mengenai reka bentuk bangunan tersebut.

Menurut Pengerusi South Malaysia Industries Bhd. Tan Sri Mohd Ramli Kushairi, Dr. Mahathir berperanan besar dalam perkembangan usahawan bumiputera di negara ini dengan menjadikan syarikat-syarikat kerajaan sebagai landasan untuk mereka bermula.

Sebagai contohnya, sebagai Pengarah Urusan Kumpulan FIMA Bhd. pada awal 1980-an, Perdana Menteri telah banyak memberi nasihat kepada saya sebagai ahli perniagaan yang baru.

Fima merupakan sebuah syarikat

kerajaan yang diuruskan secara swasta.

Dr. Mahathir mahu usahawan baru bumiputera seperti saya agar belajar menyeimbangkan kos di samping kekal fokus dan sedapat mungkin mengelakkan pembaziran.

Beliau memberikan kuasa kepada saya untuk

melakukan pelbagai perkara termasuk belajar untuk menyenaraikan syarikat dan yang pertama dalam konteks ini ialah Metal Box Bhd.

Dengan bimbingan yang diberikan, saya telah mengambil alih United Plantations Bhd. walaupun menghadapi persaingan dari beberapa syarikat besar lain".

Di bawah bimbingan Dr. Mahathir, Kumpulan FIMA juga berjaya membina sebuah terminal pukal di Pelabuhan Klang di atas tapak 14 hektar yang kekal menguntungkan hingga ke hari ini.

Sokongan yang diberikan oleh Perdana Menteri kepada FIMA terhadap pembinaan terminal ini, sangat besar.

Saya masih ingat, beliau yang ketika itu Timbalan Perdana Menteri pernah datang ke rumah saya untuk membincangkan pembinaan terminal ini walaupun sedang demam. Malah, beliau juga kerap bekerja pada hari Ahad yang sepatutnya menjadi hari rehat.

Selepas saya bersara daripada FIMA, kejayaan yang besar ditempa adalah menyaksikan ia dibeli oleh pihak pengurusan syarikat itu sendiri, kata

Mohd Ramli lagi.

Beliau menyifatkan Perdana Menteri adalah seorang yang amat sabar, sentiasa meluangkan masa untuk mendengar dan memberi keputusan yang tepat dan jelas.

Sikap tidak banyak bercakap yang menjadikan sesetengah orang beranggapan beliau malu tetapi sifat ini mungkin berpunca daripada dirinya yang terlatih sebagai doktor yang diajar untuk mendengar sebelum membuat keputusan."

Seorang lagi ahli korporat, Pengarah Urusan syarikat binaan Ireka Corporation Bhd., Lai Siew Wah berkata, Perdana Menteri telah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya dengan amat baik.

Beliau telah membolehkan Malaysia mencapai satu tahap kemajuan yang amat berbeza.

Setiap Perdana Menteri kita telah menyumbang lebih daripada Perdana Menteri sebelum daripada mereka dan kita berharap tradisi ini akan diteruskan oleh pengganti Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir sentiasa muncul dengan idea dan cara untuk mencapai sesuatu yang lebih baik.

Beliau telah memikul tanggungjawab melakukan kerja yang susah demi untuk kesenangan kita semua pada hari ini dan generasi seterusnya hanya perlu meneruskan segala usaha yang telah beliau buat," katanya.

Ketua Pegawai Operasi DiGi Telecommunications Sdn. Bhd., Tore Johnsen berkata, tidak perlu tempoh yang lama untuk mengetahui bahawa Dr. Mahathir adalah seorang yang berwawasan besar bagi kecemerlangan Malaysia.

Walaupun baru empat tahun berada di negara ini katanya, perubahan yang berlaku dalam tempoh tersebut,

contohnya melibatkan infrastruktur industri telekomunikasi gantian fiber adalah amat ketara.

Pastinya Perdana Menteri sebagai pemimpin tertinggi negara ini mempunyai peranan meletakkan kepentingan pelbagai sektor ekonomi seperti yang sepatut dan sebetulnya.

Secara amnya saya boleh kata beliau adalah seorang yang hebat dengan meletakkan pelbagai sasaran untuk dicapai.

Beberapa sasaran jangka pendek dan sederhana sudah pun dicapai tetapi masih ada sasaran jangka panjang yang perlu dicapai.

Beliau dihormati di dalam dan di luar negara kerana Dr. Mahathir bersama barisannya telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran dengan kaedah tersendiri.

Pemulihan ekonomi negara ini berlaku dengan lebih cepat berbanding negara-negara lain yang dilanda masalah yang sama.

Secara keseluruhannya beliau bertindak cemerlang sepanjang menerajui Malaysia," katanya.

MOHD RAMLI
KUSHAIRI